

03/03/1999

Politik Sabah dipenuhi adegan menarik

Muhd Yusuf Abu Bakar

POLITIK Sabah sering menarik minat pengkaji untuk melihat susur galur perkembangannya yang sememangnya penuh dengan adegan cemas, membimbangkan dan kadangkala menggelikan hati.

Kemelut politik di Sabah bergolak semula berikutan kekalahan parti Berjaya di tangan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Usno pada pilihan raya negeri 1985. PBS memperolehi majoriti tipis apabila memenangi 25 daripada 48 kerusi dalam pilihan raya berkenaan.

Bagaimanapun, Usno yang menenangi 16 kerusi dan Berjaya dengan hanya enam kerusi berpakat untuk membentuk kerajaan negeri. Presiden Usno, Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun, mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri berasaskan kedua-dua parti itu boleh membentuk kerajaan dengan mendakwa memperolehi majoriti dengan menamakan enam ahli dewan undangan negeri dilantik. Ini menjadikan Adun gabungan itu seramai 32 dan melebihi Adun PBS. (Perlembagaan Sabah membenarkan parti yang membentuk kerajaan menamakan enam Adun dilantik).

Majlis angkat sumpah Tun Mustapha menerima tamparan hebat apabila tidak diiktiraf Kuala Lumpur. Sebaliknya, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan dijemput untuk membentuk kerajaan negeri. Mustapha mengemukakan tuntutan di mahkamah bahawa pelantikan Pairin tidak sah, sebaliknya pelantikan beliau (Mustapha) adalah sah. Bagaimanapun, tuntutan Mustapha gagal.

Pergolakan politik yang berlaku selepas itu meledak sehingga di jalan raya apabila penentang PBS merusuh pada 12 Mac 1986. Mereka membakar bangunan kedai dan kereta di Sembulan di Kota Kinabalu. Beberapa ledakan bom yang dipercayai bom ikan yang dipasang di tempat sampah di belakang bangunan kedai menggegarkan ibu negeri Sabah.

Rusuhan berterusan beberapa hari sebelum beberapa ratus perusuh ditahan dan didakwa di mahkamah. Pairin membubarkan Dewan Undangan Negeri 11 bulan selepas pilihan raya itu untuk mendapatkan semula mandat daripada rakyat kerana kedudukan parti itu yang agak tergugat dengan kemungkinan Adunnya berpaling tadah untuk menyertai parti lawan.

Dalam pilihan raya yang diadakan pada 6 dan 7 Mei 1986, PBS mendapat kemenangan selesa dengan meraih 35 daripada 48 kerusi diikuti Usno (11), Berjaya (satu) dan SCCP (satu). Kemenangan itu membolehkan PBS membentuk kerajaan negeri dengan majoriti dua pertiga.

Bagaimanapun, dalam tempoh sembilan tahun memerintah keadaan politik Sabah sentiasa bergelora berikutan hubungan PBS dengan Kerajaan Persekutuan yang tidak begitu mesra. Dalam tempoh berkenaan Umno bertapak di Sabah pada 21 Februari 1991 dengan iltizam untuk membela rakyat Sabah yang diabaikan PBS. Umno berjaya menarik minat penyokong Usno dan mula memberi saingan kepada PBS.

Pilihan raya 1994 yang pada mulanya memberi keyakinan kepada PBS untuk kembali memerintah bagi penggal ketiga mula terancam apabila sebahagian pemimpinnya terutama daripada kalangan kaum Cina keluar parti membentuk Parti Maju Sabah (SAPP) selepas DUN dibubarkan pada Jan 1994.

Dalam pilihan raya berkenaan, PBS mendapat 25 kerusi manakala BN 23, menyebabkan kedudukan kerajaan Pairin goyah - hanya menunggu untuk rebah. Tindakan tiga Adun PBS - Datuk Lajim Ukin (Klias), Datuk Rubin Balang (Kemabong) dan Datuk Zaini Isa (Adun dilantik-PBS) menyertai BN menyebabkan kerajaan PBS mulai retak.

Dalam menghadapi saat tumbangnya PBS, cadangan penubuhan parti

alternatif termasuk Parti Demokratik Sabah (PDS) mulai kedengaran. Pemimpin utama PBS, Adun dan ahli Dewan Rakyat PBS pada saat kejatuhan kerajaan PBS berkumpul di kediaman Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin Kitingan di Seri Gaya.

Mereka membincangkan dengan panjang lebar mengenai kesan kerajaan negeri BN yang dijangka ditubuhkan berikutan tindakan beberapa pemimpin PBS berpaling tadah menyertai BN, beberapa minggu selepas penubuhan kerajaan PBS yang memenangi pilihan raya negeri 1994.

Siri perbincangan bermula pada 13 Mac 1994 apabila Pairin cuba membubar DUN berikutan tindakan tiga Adun PBS berpaling tadah pada 12 Mac menyertai BN menjadikan PBS hanya mempunyai 23 Adun sedangkan BN bertambah menjadi 26 yang membolehkannya membentuk kerajaan baru.

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada kerajaan BN yang bakal ditubuhkan akan dianggotai dua kaum terbesar di Sabah iaitu Bumiputera Islam dan Bumiputera Bukan Islam.

Persoalan yang dibincangkan Pairin dan pemimpin partinya ialah apakah yang akan terjadi kepada kaum Kadazandusun dan Murut, adakah mereka mendapat perwakilan yang berwibawa di dalam BN.

Pairin mencadangkan supaya PBS merujuk kembali menyertai BN dengan memberi mandat kepada Datuk Bernard Dompok (Tan Sri) dan Datuk Jeffry Kitingan untuk menemui pemimpin Kuala Lumpur pada 12 Mac tetapi gagal menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Pairin semakin resah kerana semakin ramai Adun Melayu dan Cina menyertai BN. Ini menyebabkannya cuba sekali lagi membubarkan DUN pada 13 Mac, tetapi gagal kerana Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Said Keruak tidak memersetujuinya.

Apabila ini berlaku, Pairin dikatakan sekali lagi meminta Dompok dan Jeffrey menemui pucuk pimpinan di Kuala Lumpur. Jeffrey berjaya menemui Dr Mahathir dalam satu majlis jamuan hari raya dan kemudian mengumumkan peletakan jawatan Pairin sebagai Ketua Menteri.

Pengumuman Jeffrey itu menyebabkan semakin ramai pemimpin Melayu dan Cina keluar parti menyertai BN, manakala Jeffrey yang kembali ke Sabah menubuhkan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS).

Dompok dan rakan-rakan kembali ke Kota Kinabalu pada 14 Mac dan mengadakan mesyuarat di kediaman rasmi Pairin di Seri Gaya kira-kira jam 12 tengah malam.

Selepas itu, Pairin mempengerusikan satu mesyuarat yang dihadiri Adun dan Ahli Parlimen PBS yang masih setia dengan parti. Kira-kira 23 orang yang membincangkan secara panjang lebar mengenai pilihan yang boleh diambil demi kebaikan masyarakat Kadazandusun.

Akhirnya, semua termasuk Pairin bersetuju menubuhkan parti baru bagi mewakili Kadazandusun dan Murut dalam BN.

Berikutan itu dokumen bagi pendaftaran Parti Demokratik Sabah (PDS) dibentuk di Seri Gaya, kediaman Dr Maximus Ongkili yang menjadi Setiausaha Agung Penaja PDS dan di rumah Dompok, pada pagi 15 Mac.

Bagaimanapun, satu lagi perbincangan diadakan di Seri Gaya pada petang 15 Mac bagi menentukan barisan pimpinan parti baru, PDS. Dalam perbincangan berkenaan terdapat perbalahan di kalangan yang hadir menyebabkan Pairin terpaksa meminta satu lagi mesyuarat.

Kali ini diadakan di rumahnya di Jalan Bersatu, Penampang, di situlah beberapa pihak memberi pandangan kepada Pairin dan akhirnya dia bersetuju untuk membatalkan idea penubuhan PDS.

Dompok kembali ke rumahnya dan diminta beberapa perwakilan PBS dari Penampang supaya meneruskan idea menubuhkan PDS kerana mereka yang menasihati Pairin supaya jangan meneruskan idea penubuhan parti itu sudah melompat parti termasuk Datuk Adib Said Sigoh yang menyertai Umno.

Dompok mencadangkan supaya idea penubuhan PDS diteruskan sekiranya

mendapat persetujuan pemimpin dan Adun lain. Akhirnya, dengan sokongan Datuk Wilfred Bumburing, Datuk Wences Anggang, Datuk Lawrence Gimbang, Datuk Kadoh Agundong, Datuk Monggoh Orow, Datuk Baggai Basirun, Datuk Tan Yong Gee dan beberapa pemimpin lain idea penubuhan PDS diteruskan dengan semangat dan niat untuk mendapatkan dan memastikan perwakilan yang berwibawa masyarakat Kadazandusun dan Murut di dalam BN.

Gendang perang bergema sekali lagi dalam pilihan raya kali ini dengan BN yang diwakili tujuh parti bertanding di semua 48 kawasan. Tentangan hebat dijangka diterima daripada PBS dan Bersekutu yang turut meletakkan calon di semua kawasan.

(END)